

## ULASAN BUKU

Judul : Issues in Islamic Education  
Penyusun : The Muslim Educational Trust  
Penerbit : The Muslim Educational Trust, London.  
Tahun terbit : 1996  
Jumlah halaman : 96

Buku ini merupakan himpunan hasil pemikiran beberapa ahli pendidik Muslim mengenai berbagai isu pendidikan yang melibatkan umat Islam di seluruh dunia, khususnya di dunia Barat Britain. Seramai 12 orang ahli pendidikan yang mengupas berbagai isu dan untuk faedah para pembaca kita senaraikan nama-nama mereka berserta dengan judul rencana masing-masing:

Ghulam Sarwar - *Islamic Education: its meaning, problem and prospects*  
Dr. S.M. Ad-Darsh - *Islam and the Education of Muslim Women*  
Dr. Ghulam Nabi Saqeb - *Teacher Training in Islam: its importance and Practicalities*  
Dr. Nasim Butt - *Science Education and Religious Belief: some philosophical Perceptions and practical strategies*  
Prof Syed Sajjad Husain - *Islamizing University Education: problems and Prospects*  
Dr. M. Abdul Jabbar Beg - *The Problems of Teaching Islamic History*  
Sahib Mustaqim Bleher - *A Programme for Muslim Education in a Non-Muslim Society*  
Muhammad Ibrahim - *Multicultural Education: An Islamic perspective*  
Ibrahim Hewitt - *The Case for Muslim Schools*  
Ruqaiyyah Waris Maqsood - *The Education of Muslim Women*  
M. Akram Khan-Cheema - *British Muslims in State Schools: A Positive Way Forward*  
Nighat Mirza - *Educational Opportunities for Muslim Girls in Britain.*

Untuk memberikan ulasan terperinci bagi setiap rencana yang terdapat dalam buku ini adalah agak sukar memandangkan jumlahnya yang besar dengan ruang yang secara relatif terhad. Apa yang dapat diusahakan dan untuk berlaku adil, saya cuba memberikan rumusan bagi setiap rencana dan memberikan komentar terhadap isu-isu yang difikirkan amat berkait dengan keadaan semasa.

Ghulam Sarwar memulakan perbincangan dengan memberi dan menghurai definisi pendidikan Islam yang berteraskan ajaran tauhid. Pendidikan Islam tidak mungkin dapat difahami tanpa dibahas hakikat manusia dan tujuan utama manusia dicipta. Penulis memberi tumpuan kepada peranan wahyu, risalah dan nubuwah yang memungkinkan manusia dapat merealisasikan tugas fitrahnya (role) sebagai *khalifah* dengan berstatuskan 'abd Allah di dunia.

Sebagai aktivis pendidikan Ghulam Sarwar tidak menghabiskan rencananya tanpa membincangkan permasalahan-permasalahan yang bakal dihadapi dalam melaksanakan pendidikan Islam dan begitu juga seterusnya beliau memberikan cadangan-cadangan praktikal bagi mengatasinya. Dalam banyak perkara yang dibincang seperti infrastruktur, kurikulum, buku teks, pendidikan perguruan, persoalan kerangka sistem, iaitu soal dikotomi pendidikan masih menjadi persoalan besar yang harus ditangani.

Rencana Pendidikan Wanita Muslim oleh S.M Darsh membawa kita kepada memahami gambaran sebenar wanita Muslim yang dinafikan hak mereka dalam melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Beliau memulakan dengan menghurai hakikat Islam sebagai *ad-din* yang tidak mendiskriminasi kaum wanita. Apa yang dikesalkan menurut penulis terdapat salah faham di kalangan pentafsir sehingga melarang kaum wanita ke sekolah. Kesannya amatlah buruk seperti yang dialami oleh sebahagian umat. Sebenarnya Islam mewajibkan setiap lelaki dan wanita menuntut ilmu. Menurut penulis pendidikan kaum wanita Muslim pada masa ini bukan lagi isu, tetapi yang mungkin boleh dibincang ialah kewajaran memilih bidang ilmu yang sesuai bagi kaum wanita.

Menerusi rencana Pendidikan Latihan Perguruan Dalam Kepentingan dan Praktikalitinya, Ghulam Nabi Saqeb menghidangkan pembaca dengan maklumat bahawa kelahiran tamadun besar dunia ditandai dengan kehadiran tokoh-tokoh pendidiknya. Tamadun Yunani dengan Platonya, Tamadun China dengan Kungfucius dan Lao Tze, Tamadun Hindu dengan kaum guru, Brahmin dan juga ketokohan Gautama Buddha. Bagi Islam, guru terulung tidak lain daripada Nabi junjungan besar Muhammad s.a.w. Bertolak dari peristiwa Jibril a.s. mengajarkan Nabi s.a.w. membaca "iqrak", para ulamak membina tradisi pengajaran-pembelajaran atas asas ini. Kecemerlangan ilmu pengetahuan yang dikagumi di abad pertengahan, misalnya madrasah al-Nizamiyyah di Baghdad pada 1055M yang tersohor itu adalah kesan langsung dari tradisi pendidikan perguruan Islam. Tetapi malangnya keadaan seperti ini tidak dipertahankan lagi, dan diburukkan lagi apabila kuasa-kuasa luar menjajah umat Islam. Namun demikian, umat Islam amat sedar tentang keperluannya dan keadaan inilah yang mendorong penulis menumpukan perhatiannya mengenai kedudukan dan peranan guru-guru Muslim di Britain. Maklumat yang cukup berfaedah kepada pembaca apabila penulis menghurai tentang peluang-peluang yang ada pada guru-guru Muslim di Britain. Kita mungkin tidak menduga bahawa peluang terbuka luas bagi pendidikan Islam berkembang di negara bukan Islam seperti yang dipaparkan dalam rencana ini.

Dr. Nasim Butt menghidangkan rencana mengenai pendidikan sains dan keimanan beragama yang dialami oleh hampir semua pelajar Muslim di mana-mana jua. Beliau dengan kritikal menyatakan mengapa tidak diusahakan di kalangan cendekiawan Muslim bahan-bahan pemikiran sains yang merujuk kepada saintis

Muslim seperti Ibn Sina (m.1036M), Ibn Haitham(m.1040M), Al-Biruni (m. 1051M), Ibn Rushd (m.1198M) dan Ibn Nafis (m 1288M) sebagai perimbangan kepada saintis barat seperti Galileo (m.1564M), Boyle (m 1691M), Hooke (m 1703M), Newton (m 727M), Watt (m. 1819M) dan sebagainya sedangkan mereka baru dan mereka sebenarnya mendapat ide daripada saintis Muslim.

Isu mengIslamkan pendidikan universiti yang menjadi tajuk rencana Prof. Syed Husain berusaha membincangkan permasalahan dan prospek masa depannya. Seperti yang telah disuarakan oleh rakan-rakannya, soal pokok yang harus diatasi ialah soal sistem dualisme pendidikan.

Sistem tradisional seperti sistem madrasah yang sedia ada perlu diubahsuai atau diintegrasikan menurut istilah yang dipersetujui ramai cendekiawan Muslim bagi mengatasi persoalan dualisme. Samalah juga permasalahan yang harus dipecahkan dalam usaha ini ialah persoalan epistemologi. Kefahaman yang sudah berakar umbi menganggap semua disiplin ilmu sebagai bebas nilai (neutral), juga faktor penghalang kepada usaha ini. Namun dengan adanya kesepakatan dan komitmen cendekiawan Muslim di seluruh dunia, Eropah, Afrika, Indo-Pakistan, dan Asia telah memungkinkan usaha yang berat ini dapat dilaksanakan. Apa yang amat menggalakkan mengikut penulis ialah di kalangan cerdik pandai masyarakat Barat sendiri telah menampakkan kesediaan gigih mengintegrasikan agama dengan sains yang sekaligus akan menyelesaikan permasalahan epistemologi.

Dr. Muhammad Abdul Jabbar Beg menerusi tajuk Permasalahan Pengajaran Sejarah Islam turut sama meletakkan faktor terbesar menjadi penghalang ialah kewujudan dua sistem pendidikan. Seperti yang termaklum tradisi pengajaran sejarah Islam amat berkait rapat dengan sirah *an-nabawiyy*, dan juga satu cabang dalam ilmu *usuluddin* yang mempunyai pendekatannya tersendiri. Mempelajari sejarah menurut Islam bukan setakat mempelajari fakta dan peristiwa tetapi dapat memberi kefahaman kepada manusia tentang '*ibrah* (pengajaran) yang lalu sebagai panduan di masa mendatang. Kefahaman seperti inilah yang meyakinkan kita bahawa disiplin sejarah Islam berfungsi sebagai wahana pemersatu (*unifying means*) ummah. Namun demikian, kehadiran beberapa orang pakar kajian ketimuran (orientalis) seperti Bernard Lewis, Albert Hourani, Edward Said dan beberapa orang lagi sedikit sebanyak telah mengupayakan disiplin sejarah Islam mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi di Eropah. Dengan tidak menafikan sumbangan ahli sejarawan Muslim seperti Abdul Hamid Siddiqui, Syed Ali Ashraf, Anis Ahmad, Ahmad Hasan Dani dan ramai lagi telah dapat mengolah semula serta meletakkan kembali sebarang pentafsiran yang kurang tepat, berunsur bias dan prejudis daripada tokoh-tokoh orientalis Barat. Sesungguhnya disiplin sejarah seharusnya bersifat fungsional: cerminan ke atas perkara yang lepas, menunjuk jalan ke arah kebenaran. Inilah yang menjadi harapan penulis dan kita semua.

Sesuai dengan keperluan umat Islam di negara-negara bukan Islam, Sahib Mustaqim Bleher membincangkan satu lagi aspek pendidikan yang melibatkan umat menerusi tajuk rencananya Satu Program Pendidikan Muslim di Negara Bukan Islam. Di satu segi keberadaan masyarakat Islam di negara-negara bukan Islam seperti di Britain telah meletakkan mereka dalam keadaan serba tertekan dan mencabar. Tetapi di segi lain, suasana yang ada menjadikan mereka lebih kreatif dan pro-aktif. Bagi mereka untuk menyediakan kurikulum dan tenaga pengajar ilmu-ilmu Islam bukanlah satu halangan besar, tetapi yang lebih penting ialah untuk memastikan sebuah suasana yang dapat merangsang penghayatan Islam adalah lebih mendesak dan penting dalam merealisasikan matlamat sebenar pendidikan Islam.

Perbincangan yang lebih spesifik menyangkut peranan umat Islam ialah isu pendidikan pelbagai budaya menurut perspektif Islam. Muhammad Ibrahim dengan menggunakan latarbelakang negara Britain mengulas situasi sebenar pengajaran pendidikan agama (*religious education*) yang dianggapnya membawa harapan baik bagi masa depan Islam di negara tersebut. Namun demikian apa yang menjadi kebimbangan ialah bagaimana agama-agama tersebut diperkenalkan kepada pelajar. Seperti yang telah diketahui umum, guru-guru harus dibimbing dalam menggunakan kaedah yang betul dan tepat. Sudah barang tentu pendekatan dogmatik atau *confessional* yang memperkecil agama lain tidak akan mendatangkan sebarang manfaat, malah akan merosak. Demikian juga jika sebaliknya berlaku, pengajaran agama dianggap hanya bahan akademik, ia juga tidak mendatangkan faedah. Justeru itu dianjurkan menggunakan pendekatan fenomenologi yang berhasil bukan sahaja memberi kefahaman tentang agama-agama lain tetapi yang lebih penting menanamkan semangat dan kesediaan untuk memapresiasi serta menghormati agama orang lain.

Empat buah rencana yang terakhir: *The Case for Muslim Schools; The Education of Muslim Women; British Muslims in State Schools: A Positive Way Forward dan Educational Opportunities for Muslim Girls in Britain* kesemua merupakan lanjutan daripada apa dibahas oleh Muhammad Ibrahim. Lebih banyak permasalahan yang spesifik diutarakan, umpamanya masalah yang berbangkit daripada peraturan kerajaan supaya menghantar anak-anak perempuan ke sekolah kerajaan sehingga berumur 16 tahun. Ibu-bapa Muslim berada dalam serba salah kerana terpaksa berhadapan dengan sistem co-education. Soal pelajar Islam yang dibiasakan untuk bergaul dan merayakan hari-hari perayaan pelbagai agama bagi tujuan memupuk sikap toleransi, walaupun ia satu usaha yang baik, namun masih dibimbangi ibubapa. Walau pun pada umumnya ibu bapa merasa lega tentang perkembangan pendidikan Islam dalam konteks kepelbagaian agama, kebimbangan mereka terus waspada dengan gerakan anti-Islam sedunia dan kedudukan mereka di Britain tidak hilang kerana pengalaman mengajar mereka. Usaha mereka menambah bilangan sekolah, tenaga guru yang mahir terus dipertingkatkan;

demikian juga usaha gigih bagi menyediakan persekitaran yang Islami bagi pembentukan generasi Muslim yang mukmin dan taqwa dilipat gandakan.

Seperti yang disebut sebelum ini, buku *Issues in Islamic Education* merupakan himpunan ide-ide besar dari penulis-penulis yang berjiwa besar; dengan penuh keyakinan dan komitmen mereka melahirkan pendapat membincang pelbagai isu pendidikan yang menyangkut kepentingan ummah. Tidak ragu lagi bahawa buku ini seharusnya menjadi rujukan utama bagi setiap pendidik.

*Dr. Ghazali Basri*

-----

-----

جرنل قنديدين اسلام  
Jurnal  
**PENDIDIKAN  
ISLAM**

**KENAPA MELANGGAN JURNAL PENDIDIKAN ISLAM?**

- Anda tidak akan ketinggalan sebarang keluaran dan ini memastikan anda akan sentiasa mengikuti perkembangan semasa bidang pendidikan (berteraskan Islam).
- Lebih menjimatkan sehingga 30 % dari harga jualan.
- Jurnal akan dihantar terus kepada anda.
- Hadiah istimewa kepada pelanggan **BERTUAH**.

**Harga Langganan**

Langganan 1 tahun (4 keluaran)	RM 32.00
Langganan 2 tahun (8 keluaran)	RM 60.00
Langganan 3 tahun (12 keluaran)	RM 84.00

*Harga di atas adalah termasuk kos penghantaran untuk di Semenanjung sahaja. Untuk Sabah, Sarawak dan negara-negara ASEAN lain, sila tambah kos penghantaran RM8 (1 tahun), RM16 (2 tahun) dan RM24 (3 tahun). Penghantaran adalah 2 minggu selepas penerbitan setiap keluaran.*

Sila alamatkan langganan kepada:

**INSTITUT PENGAJIAN ILMU-ILMU ISLAM (IPI)**

29-2, Bangunan KBI, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur  
Tel: 03-41428736, 41493433 / 82 Fax: 03-41428772 E-mail: rektor@po.jaring.my

**BORANG LANGGANAN JURNAL PENDIDIKAN ISLAM**

Nama : .....

Organisasi : .....

Alamat : .....

.....

.....

Telefon : ..... Fax : .....

Dengan ini ingin melanggan Jurnal Pendidikan Islam selama ..... tahun

Bersama ini adalah cek/wang pos ..... amaun RM .....

di atas nama Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.



**المعهد العالي للدراسات الإسلامية**  
**INSTITUT PENGAJIAN ILMU-ILMU ISLAM**  
*Institute for The Studies of Islamic Sciences*  
(No. Pendaftaran : SEL/PTS/1583/97)



Menawarkan Pengajian Peringkat Diploma untuk semua pelajar lepasan SPM/SPMV/STPM atau yang setaraf dengannya menyambung pelajaran hanya untuk 2 tahun.

#### Diploma Yang Ditawarkan

- Diploma Psikologi\*
- Diploma Pengajian Syariah\*
- Diploma Pengajian Usuluddin
- Diploma Perakaunan
- Diploma Perbankan
- Diploma Sains Pengurusan
- Diploma Pengurusan Perniagaan Islam
- Diploma Tahfiz Al-Qur'an & Pengajian Islam\*
- Sijil Bahasa Arab (intensif)
- Sijil Sains Kom. & Teknologi Maklumat

(\* juga ditawarkan di IPI Kelantan)

#### Kenapa Di IPI ?

- Kurikulum & silibus dikawal selia pengiktirafannya oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
- Yuran pengajian yang rendah & skim bayaran yang mudah
- Berhampiran dengan kemudahan di pusat bandar
- Laluan terbaik menyambung pelajaran di peringkat ijazah
- Ko-kurikulum & aktiviti yang membina personaliti dan intelektual pelajar
- Kemudahan perpustakaan dan makmal komputer multimedia untuk pelajar

#### Pengambilan Pelajar Baru

Pendaftaran dibuka sekarang  
(Pengambilan pelajar baru pada April / Ogos / Disember setiap tahun)

#### Pengambilan Pelajar Baru



Hantarkan wang pos RM10.00 di atas nama Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam & sampul surat beralamat sendiri (18 sm x 26 sm) berselem RM1.00 ke IPI-Pusat, No. 29-2, Bangunan KBI, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-41428736, 41493433 / 82 Faks: 03-41428772 E-mail: rektor@po.jaring.my Laman Web: www.institute-ipi.com